

Headline	Oltmans serap empat tenaga muda		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	69,985	Readership	209,955
Section	Sukan	Page No	78
ArticleSize	203 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,993		



PELATIH HOKI KEBANGSAAN

Oltmans serap empat tenaga muda

Kuala Lumpur: Pengendali Roelant Oltmans mengotakan janji apabila menyuntik empat tenaga muda dalam barisan 28 pelatih baharu skuad hoki kebangsaan, diketuai 'budak ajaib' Akhimullah Anuar Esook yang juga penjarang terbanyak Sukan Olimpik Belia 2018.

Tiga pemain lain adalah rakan sepasukan Akhimullah, 19, di dalam skuad Tenaga Nasional Berhad - Arif Syafie Ishak, 19; Noor Firdaus Rosdi, 19; dan Azrai Aizad Abu Kamal, 20.

Malah, pakar dari Belanda itu juga membuat kejutan apabila memanggil semula pertahanan UniKL, Najmi Farizal Jazlan, 24, yang menarik diri daripada kem latihan negara pada Julai tahun lalu dengan alasan ingin fokus dalam pengajian.


Bagi Akhimullah yang mencipta sensasi di Buenos Aires apabila 22 jaringannya menjulang skuad remaja negara memenangi emas di temasya berkenaan, dirinya sama sekali tidak menyangka terpilih menjelang saingan Piala Sultan Azlan Shah di Ipoh, bermula 23 hingga 30 Mac ini.

Dia yang dikenali sebagai 'Rentung' dikalangan rakan sepasukannya beraksi cemerlang dalam saingan Liga Perdana Hoki Malaysia 2019 yang melabuhkan tirainya Sabtu lalu apabila meledak 10 gol.

Dalam pada itu, beberapa panggilan yang dibuat Oltmans boleh dipersoalkan terutamanya membabitkan pemain tengah Nur Insafi, Joel Van Huizen yang dilihat tidak menyinar sepanjang kempen liga.

Paling mengejutkan beliau juga sanggup menyisihkan tonggak tengah, Nabil Fikri Mohd Noor yang sudah beraksi lebih 10 tahun buat negara dalam usahanya terus memberi laluan kepada Joel selain turut menggugurkan nama pemain tengah THT, Azri Hassan.

Berikut adalah senarai penuh 28 pemain: S Kumar, Hairi Abd Rahman, Hafizuddin Othman dan Zaimi Md Deris (penjaga gol); Sukri Mutalib, Razie Abd Rahim, Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan, Faiz Helmi Jali, Luqman Nul Hakim Ahmad Shukran, Najmi Farizal Jazlan, Muhammad Najib Abu Hassan, Amirol Aided Mohd Arshad, Muhammad Arif Syafie Ishak (pertahanan), Marhan Mohd Jalil, Mohd Fitri Saari, Meor Muhammad Azuan Hassan, Ashran Hamsani, Joel Van Huizen (tengah); Azrai Aizad Abu Kamal, Haziq Samsul, Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil, Muhammad Firhan Ashari, Faizal Saari, Nik Muhammad Aiman Nik Rozemi, Norsyafiq Sumantri, Shahril Saabah, Akhimullah Anuar Esook dan Noor Firdaus Rosdi (penyerang).



Roelant Oltmans